

Ketahanan diri sifat pengembara solo

MEMILIH untuk mengembara secara solo bukan sahaja memerlukan perancangan rapi tetapi persiapan sendiri yang teguh sebelum menempuhi cabaran di negara orang.

Kembara solo terutamanya bagi golongan wanita bakal memberi mereka lebih cabaran berbanding lelaki berikutan fahaman dan pandangan yang konservatif terhadap mereka.

Menurut Pensyarah Pusat Pengajian Psikologi dan Pembangunan Manusia Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Rohany Nasir, seorang pengembara solo kebiasaannya mempunyai sifat ketahanan diri yang tinggi dan sentiasa bersedia

untuk menghadapi sebarang kemungkinan.

"Apabila seseorang itu mampu melakukan sesuatu yang mencabar seperti mengembara berjalan kaki merentasi benua, individu itu merupakan seorang yang berjiwa kental dan bermotivasi tinggi dalam kehidupan.

"Mereka adalah insan yang sentiasa mencabar diri dan terbuka mengharungi sebarang cabaran untuk memperoleh satu pencapaian serta memenuhi kepuasan diri," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Tambahnya, psikologi seorang

yang suka mengembara secara solo lebih cenderung kepada kehidupan positif dan produktif dalam menimba pengalaman

baharu dengan merantau ke negara orang.

Mereka juga merupakan individu yang mudah menyesuaikan diri dengan persekitaran alam dan sosial masyarakat di satu-satu tempat.

Mengembara secara solo adalah salah satu daripada aktiviti beg galas yang kini menjadi

trend semasa. Ia juga memberi peluang kepada individu untuk menyaksikan sendiri gaya hidup, budaya dan keunikan sesebuah negara secara lebih dekat.



ROHANY

Pada masa sama, ia memberikan cabaran yang lebih besar dari segi keselamatan, fizikal dan mental kepada pengembara.

Tambah Rohany, sendiri seorang pengembara solo biasanya terbentuk sejak kecil.

"Jika sejak kecil seseorang itu didedahkan dengan kehidupan yang mencabar, sendiri mereka akan terbentuk. Faktor idola juga memainkan peranan kerana ia turut memberi pengaruh dalam kehidupan kanak-kanak.

"Selain pendedahan semula jadi, sifat seorang pengembara boleh dibentuk dan didik walaupun latar belakang keluarga kanak-kanak itu bukan daripada kelompok yang gemar mengembara," ujarnya.